

23 JUL 1996

Mahathir-Syariah

MAHKAMAH SYARIAH SELURUH NEGARA DISUSUN SEMULA

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Mahkamah Syariah di seluruh negara akan disusun semula bagi meningkatkan pentadbirannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Menurutnya, cadangan penyusunan semula itu telah dipersetujui Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 3 Julai lepas.

"Ini tidak bermakna kita akan mengambil alih kerana Mahkamah Syariah terus berada di bawah kerajaan-kerajaan negeri, tetapi kita nak menyelaraskan pentadbiran mahkamah Syariah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Pentadbiran Undang-Undang Islam di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), di sini.

Beliau berkata, Jemaah Menteri juga bersetuju menjadikan Perkhidmatan pegawai Hal Ehwal Islam sebagai Perkhidmatan Bersama seluruh negara.

Memorandum mengenai kedua-dua perkara itu telah dikemukakan kepada Kabinet oleh Jawatankuasa Petugas yang dibentuk khas bagi mengkaji cadangan penyusunan semula itu yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Dalam kenyataan akhbar untuk menjelaskan keputusan penyusunan semula itu, Perdana Menteri menyatakan beberapa kelemahan telah dikenal pasti dalam sistem pengurusan kehakiman dan mahkamah Syariah Malaysia.

Antaranya ialah kepelbagaian Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Peraturan di negeri-negeri seperti Enakmen Pentadbiran dan Hukum Syarak, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam, Enakmen Kanun Jenayah Negeri dan Enakmen Acara Mal Mahkamah Syariah Negeri yang menimbulkan pelbagai corak pengurusan undang-undang antara negeri.

Kelemahan lain termasuk penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan yang hanya digunapakai di negeri-negeri tertentu serta kekurangan bilangan hakim dan pegawai Syariah di mahkamah-mahkamah rendah dan tinggi Syariah di negeri-negeri yang menyebabkan banyak kes tertangguh.

Menurut Perdana Menteri, bagi tempoh 1992 hingga tahun lepas, sebanyak 63,306 kes tertangguh di mahkamah Syariah di seluruh negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 17,876 kes ialah bagi tahun lepas sahaja.

Katanya, pengurusan kehakiman dan mahkamah Syariah akan dipertingkatkan melalui beberapa kaedah pelaksanaan seperti pewujudan Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah oleh kerajaan Persekutuan bagi jawatan di mahkamah-mahkamah Syariah menggunakan Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah yang ada.

Menurut Perdana Menteri, sebuah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang diketuai Ketua Hakim Syarie Malaysia akan ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri manakala empat jawatan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah akan diwujudkan.

Kerajaan Persekutuan juga akan membiayai segala emolumen, elaun tetap bulanan dan elaun lain bagi pegawai Syariah yang berkhidmat di Mahkamah Tinggi Syariah negeri-negeri dan Mahkamah Rayuan Syariah, serta mendapatkan persetujuan Majlis Raja-Raja atau kerajaan Negeri mengenai pewujudan Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, satu perjanjian akan dilakukan dengan kerajaan negeri mengenai perkara berkaitan mahkamah Syariah seperti peruntukan mengenai perlantikan, pengesahan, kemasukan dalam perjawatan tetap dan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran dan kawalan tatatertib pegawai berkenaan.

Dr Mahathir berkata, struktur mahkamah-mahkamah Syariah negeri-negeri akan terus dikekalkan selaras dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-Negeri; dan Ketua Hakim Syarie serta Pegawai-pegawai Syariah akan

ditauliah oleh pihak berkuasa negeri.

Mengenai cadangan menjadikan perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam sebagai Perkhidmatan Bersama, Dr Mahathir berkata, ia bagi meningkatkan sistem pengurusan hal-ehwal Islam di negara ini melalui beberapa kaedah pelaksanaan.

Katanya, satu akta akan digubal berhubung perkara itu dan pelantikan pegawai berkenaan adalah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, yang akan ditempatkan di Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri.

Menurutnya, Skim Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam yang ada akan digunakan bagi Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal Ehwal Islam di seluruh negara.

-- BERNAMA

AZZ RAZ NMO